

Fakta  
nombor

200 PENDUDUK

Kampung Parit Haji  
Ahmad terjejas akibat  
banjir

5 TAHUN

masalah berlarutan



Mohd Puad (kiri) bersama Timbalan Ketua UMNO Batu Pahat, Zaidi Jaafar (kanan) melihat keadaan Sungai Simpang Kanan selepas kerja mendalam dan pembersihan sungai itu.

# Banjir kilat Parit Haji Amad diatasi

➔ JPS laksana kerja mendalam, membersih Sungai Simpang Kanan mulai kelmarin

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

► Batu Pahat

**M**asalah banjir kilat yang menghantui penduduk Kampung Parit Haji Amad di sini, sejak lima tahun lalu, akan dapat diatasi berikutan kerja mendalam dan membersihkan Sungai Simpang Kanan di mulakan kelmarin.

Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata pihaknya meminta ban-

tuan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan kerja berkenaan.

“Kerja mendalam dan membersihkan sungai diharap menyelesaikan masalah yang sering dihadapi kira-kira 40 keluarga setiap kali hujan lebat sejak lima tahun lalu,” katanya.

## Kawasan rendah

Sejak lima tahun lalu, Kampung Parit Haji Amad kerap dilanda banjir kilat kerana terletak di kawasan rendah dan menghadap kuala Sungai Simpang Kanan. Malah, me-

reka juga kerap kali dipindahkan ke pusat pemindahan.

Kawasan kuala sungai yang dipenuhi lumpur dan sampah sarap menyebabkan aliran air tersekat dan melimpah hingga membanjiri perkampungan.

Setelah menerima aduan daripada penduduk, Mohd Puad menghubungi JPS dan pemimpin komuniti setempat bagi mencari jalan penyelesaian.

Mohd Puad berkata, pihaknya dan JPS akan terus memantau kawasan berkenaan supaya banjir kilat tidak berulang.

## Tak buang sampah dalam sungai

“Saya juga mengharapkan penduduk di sepanjang sungai di daerah ini bersikap bertanggungjawab dan tidak membuang sampah ke dalam sungai kerana ia menyebabkan aliran air sungai akan tersekat hingga mengakibatkan banjir,” katanya.

Sementara itu, penduduk, Razali Sikom, 49, bersyukur dan berte-rima kasih kepada UMNO Batu Pahat yang mengambil inisiatif segera selepas dimaklumkan mengenai masalah berkenaan.